

Remaja Lari dari Rumah Salah Siapa?

Oleh Mohd. Din

Kisah remaja lari dari rumah bukanlah berita yang mengejutkan. Laporan remaja lari dari rumah sering mengisi dada akhbar dan televisyen (TV). Dalam laporan tersebut, kebiasaannya ibu bapa menunjukkan beberapa keping gambar anak mereka dan dengan linangan air mata, merayu agar anak mereka segera kembali ke pangkuan keluarga.

Kisah sebegini seperti tidak berkesudahan. Lebih mengejutkan, ada remaja yang dilaporkan melakukan perbuatan tersebut berulang kali tanpa mengambil pengajaran atas kesalahan yang dilakukan.

Pada 13 Jun 2010, seorang remaja perempuan berusia 13 tahun dilaporkan melarikan diri dari rumah sebanyak 10 kali dalam tahun yang sama.

Ibu remaja berkenaan, Jamilah Salleh, 45 tahun, menjelaskan kepada akhbar tempatan pada 13 Jun 2010, demi keselamatan anaknya, dia tidak pernah berputus asa untuk mengesan dan membuat laporan polis meskipun berasa malu dengan tindakan tersebut. Malah, ada pihak menasihatinya untuk menunggu sahaja anaknya pulang disebabkan kebiasaannya selepas beberapa hari hilang, anaknya pulang ke rumah dalam keadaan yang selamat. Namun begitu, sebagai ibu, Jamilah berasa bimbang dan tidak mungkin melepaskan tanggungjawabnya begitu sahaja apatah lagi kehilangan anaknya sering dikaitkan dengan seorang remaja lelaki berusia 22 tahun yang juga merupakan seorang penagih dadah.

Di Felda Kemasul, Temerloh, Pahang, pada 12 September 2011,

dua orang remaja perempuan berusia 16 tahun hilang dari rumah mereka. Kedua-dua mereka, iaitu Nurmuniera Farisha Nizam dan Siti Noor Atika Hamzani, dipercayai hilang selepas keluar bersama-sama teman lelaki Nurmuniera.

Sementara itu, di Kajang, Selangor, pada 22 November 2011, seorang remaja perempuan berusia 15 tahun yang dilaporkan hilang selama dua hari ditemui di sebuah restoran di Cheras, Selangor, bersama-sama teman lelakinya. Remaja tersebut mendakwa termakan janji manis teman lelakinya sehingga sanggup melarikan diri. Malangnya, tindakan tersebut membawa padah apabila dia ditogol oleh teman lelakinya.

Pada Februari lalu, seorang remaja perempuan berusia 18 tahun bertindak mencuri barang kemas milik keluarganya sebelum melarikan diri bersama-sama teman lelakinya. Dengan menaiki motosikal, pasangan ini menyewa sebuah hotel di Jalan Petaling, Kuala Lumpur. Tindakan berani remaja tersebut akhirnya memakan diri sendiri apabila teman lelakinya bertindak merogol dan mengurungnya di hotel berkenaan untuk dijadikan hamba seks selama seminggu. Wanita tersebut berjaya diselamatkan dengan bantuan seorang pekerja hotel yang bertindak menghubungi pihak polis.

Kes remaja lari dari rumah sering menakutkan ibu bapa, namun kes sebegini tidak pernah menjadi pengajaran kepada golongan remaja, khususnya remaja perempuan. Ada pihak yang menuding jari menyalahkan ibu bapa apabila anak mereka lari dari rumah. Tuduhan "tidak tahu menjaga anak" merupakan tuduhan popular yang

sering dilemparkan sebahagian masyarakat kepada ibu bapa yang berhadapan dengan masalah anak lari dari rumah.

Menurut statistik polis Bukit Aman yang dikeluarkan pada Mac lalu, kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun hingga 22 tahun merupakan kumpulan umur paling banyak dilaporkan hilang oleh ibu bapa atau penjaga mereka. Sepanjang 2011, daripada 1097 orang yang dilaporkan hilang, sebanyak 726 orang ialah remaja perempuan berusia sembilan tahun hingga 22 tahun.

Polis mendedahkan bahawa hasil soal siasat terhadap mangsa yang berjaya ditemui dan ahli keluarga mangsa yang masih hilang, kebanyakan mangsa bertindak lari dari rumah kerana mengikut teman lelaki sama ada rakyat tempatan atau warga asing. Selain itu, pengaruh



Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik dan mengawasi anak.

rakan sebaya dan ingin kebebasan turut menjadi punca remaja lari dari rumah.

Kajian terperinci berhubung remaja lari dari rumah turut dilakukan oleh Institut Sosial Malaysia. Kajian yang dijalankan pada 2011 mendapati bahawa daripada 379 kes remaja lari dari rumah, sebanyak 185 kes disebabkan tekanan hidup, pengaruh rakan (105 kes), ingin bebas (55 kes), bergaduh dengan keluarga (41 kes), bosan (38 kes), dan kurang kasih sayang (35 kes). Sementara itu, kecenderungan remaja untuk lari semula juga mencatatkan jumlah yang tinggi, iaitu 80 kes disebabkan terpengaruh dengan kawan, tekanan (64 kes), ingin bebas (53 kes), bosan (36 kes), takut (33 kes) dan bergaduh (32 kes). Hasil kajian tersebut turut mendedahkan bahawa remaja yang cenderung untuk melarikan diri dari rumah kebiasaannya kurang keyakinan diri, kurang pengetahuan agama dan pengaruh luaran yang tinggi.

Jika dinilai suasana kehidupan keluarga hari ini, ada pihak beranggapan bahawa masalah remaja lari dari rumah berlaku

disebabkan kegagalan ibu bapa memainkan peranan mendidik, mengasuh dan memupuk peribadi anak. Ada pula pihak yang menyalahkan sistem pendidikan negara yang didakwa kurang menekankan aspek penghayatan ajaran agama Islam dan moral yang menjadikan gejala ini semakin berleluasa serta sukar dibendung. Selain itu, pengaruh negatif yang banyak dipaparkan di TV turut menjadi punca kes anak lari dari rumah.


Bagi ibu bapa, dalam memenuhi keperluan keluarga yang saban hari meningkat, mereka terpaksa mengubah peranan mereka daripada mengasuh dan menjaga anak mereka untuk tempoh 24 jam kepada ibu bapa yang bekerja.

Zaman semakin berubah dan tuntutan perbelanjaan hari ini tidak boleh dihitung sama seperti 10 tahun lalu. Lantaran itu, masa yang singkat untuk menjaga anak diserahkan kepada pengasuh atau ahli keluarga yang lebih dewasa. Skenario itu akhirnya mengakibatkan anak hilang kawalan dan lebih cenderung memilih rakan mereka, termasuklah teman lelaki.

Pengarah Institut Sosial Malaysia, Profesor Dr. Mohamad Fadhlil Che Din, yang dihubungi penulis baru-baru ini menjelaskan bahawa ibu bapa perlu mencari inisiatif dalam berhadapan dengan masalah sosial yang membelenggu remaja hari ini. Meskipun ibu bapa sibuk dengan kerja masing-masing, mereka perlu meningkatkan pengawasan dengan mengetahui sebarang aktiviti yang dilakukan oleh anak mereka.

"Berikan perhatian kepada anak dan ambil tahu setiap pergerakan mereka. Tindakan ini sedikit sebanyak dapat mendidik mereka untuk menghormati ibu bapa," jelsa Mohamad.

Dalam mencari penyelesaian kepada masalah ini, ada pihak yang mencadangkan agar kerajaan



Remaja yang memberontak berpotensi lari dari rumah.

menguatkuasakan sepenuhnya Akta Kanak-Kanak 2001 yang membolehkan ibu bapa serta penjaga dipertanggungjawabkan dan dikenakan hukuman apabila berlaku kes remaja bawah umur lari dari rumah.

Mengikut Seksyen 31 akta tersebut, mereka yang bertanggungjawab melindungi kanak-kanak, tetapi gagal berbuat demikian sehingga menyebabkan kanak-kanak menghadapi masalah boleh didenda RM20 ribu atau penjara 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya saranan tersebut dilaksanakan, hal ini bermaksud ibu bapa atau penjaga akan menerima hukuman atas perlakuan anak mereka. Persoalannya, bagaimanakah pula dengan remaja yang melarikan diri dari rumah? Adakah mereka akan menginsafi perbuatan tersebut atau terus beranggapan bahawa mereka bebas melakukan apa-apa sahaja tanpa menanggung akibat atas kesalahan yang dilakukan. □

